

19/10/2003

Membina ummah cemerlang dan gagah

Dari Bangkok:

KENYATAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak OIC di Putrajaya Khamis lepas memang terang, tegas, berani, berwawasan dan berfakta (walaupun begitu media barat memutarbelitkannya sebagai ucapan yang anti-Yahudi, satu hal yang boleh dijangka sebenarnya) adalah satu "peta jalan atau road map" bagi penyuburan semula umat Islam dan memperkasakan mereka.

Masa telah tiba bagi negara-negara Islam (57 buah semuanya) dan pertubuhannya Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan berusia 34 tahun itu yang muktamarnya tamat kelmarin disusun semula (akan dilaksanakan kalau keputusan dikotakan) untuk lebih berorientasikan tindakan (actions) daripada suka berbicara, bercakap dan bersidang, yakni lebih proaktif melaksana dan mencapai matlamatnya: kembalikan maruah dan kemuliaan Islam, memperkasakannya dan meningkatkan pencapaian sosio dan ekonomi ummah di seluruh alam melalui pendekatan baru.

Tiga ucapannya yang terpetah dalam kerjaya politik Dr Mahathir saya fikir ucapan yang saya gelarkan Pause and Think pagi Khamis adalah antaranya. Dua lagi ialah apabila saya mengiringinya berdebat di Universiti Singapura semasa pulau itu sebahagian daripada wilayah kita dan dia hanya Ahli Parlimen Kota Setar Selatan (backbencher saja) dan semasa dia berdebat dengan Lee Kuan Yew (Perdana Menteri Singapura) dalam Parlimen sebelum perpisahan kita dengan Pulau Temasik, iaitu sewaktu kedua-duanya membahaskan ucapan terima kasih kepada titah Yang di-Pertuan Agong. Ketiga-tiga kenyataannya dilafazkan dalam bahasa yang mudah, efektif (pakar berkomunikasi) dan dilakukannya secara ikhlas (seolah-olah spontan) dan amat lancar atau kata Mat Salleh eloquently. Pada pagi Khamis di Pusat Konvensyen Putrajaya yang terancang itu, Dr Mahathir memang luar biasa - kepetahan dan hujahnya.

Andainya pidato bersejarah itu yang diselangi firman Allah SWT dan sabda Rasulullah dan sejarah serta strategi perang dan politik Nabi Muhammad dilaksanakan - walaupun satu pertiga saja - saya yakin umat Islam akan bangkit semula dan kita akan menang dalam jihad membasmikan kejahatan, kemiskinan dan berjaya memperkasakan diri; kembali terkemuka, berpengaruh, disegani dan mungkin jadi ummah penentu corak politik, sosial dan ekonomi sejagat.

Apa yang saya takut ialah respons ketua-ketua negara Islam itu hanya pada lisan saja, takut (saya tidak akan terkejut) hanya hangat-hangat tahi ayam saja, selepas satu minggu akan menjadi bahan bakal rujukan sejarah, bahkan hanya sebagai nota kaki (footnotes sejarah) saja. Saya berdoa sesungguhnya tidak demikian.

Dr Mahathir telah menyempurnakan fardu kifayahnya menyampaikan pesanan terakhir untuk ummah Islam di peringkat tertinggi maka terpulanglah visi membina ummah yang cemerlang dan perkasa dirintis dan dipraktikkan oleh kerajaan dan pemerintah Islam dan OIC pula dengan memfokuskan kepada keutamaan: perpaduan dan pendekatan baru untuk menangani cabaran di hadapan.

Muktamar sudah selesai. Sekarang ialah memberi fokus dan hala tuju ke destinasi yang diidami. Terpenting ummah Islam - apa jadi pun - mesti membebaskan diri mereka daripada masalah yang dihadapi dan meningkatkan tahap martabat terendah dan kehinaan yang kini sinonim dengan Islam. Di kaca mata majoriti manusia apalagi musuh dan seteru kita, kita adalah

ummah yang terhina.

Pelan sudah wujud, negara-negara OIC mesti bertindak. Ummah wajib melakukannya; "Now (sekarang)" juga. Dan tindakan OIC dan negara-negara Islam mesti seimbang dengan tuntutan situasi dan zaman.

Satu media alternatif global wajib

Senjata terpenting dan teraktif dipunyai musuh dan seteru Islam ialah alat perang terancang mereka. Kita membeli daripada mereka tetapi mereka hanya (dan wajar) menjual kepada negara-negara Islam walaupun yang terdekat dengan mereka dan boneka mereka senjata-senjata yang hanya separuh canggih; model-model lama. Masakan mereka (seperti guru silat) mahu melepaskan segala rahsia dan kepintaran menggunakannya apalagi membuat pula senjata kepada kita yang mereka anggap bakal (kalau pun belum lagi diiktiraf secara rasmi) seteru mereka?

Selain itu mereka menguasai universiti-universiti, gedung ilmu, think-tanks, bank, insurans, perdagangan dan bisnes, komunikasi dan media terbesar, cetak dan elektronik dibantu oleh agensi inteligens (rahsia) mereka yang bajetnya tidak terhad.

Pemodal Islam (bahkan dana yayasan) harus diguna untuk mewujudkan media cetak alternatif dan bebas paling minimum seperti Al Jazeera yang dapat memberi perspektif kedua tetapi untuk sebaran dan jualan di seluruh dunia, perlu menggunakan bahasa Inggeris, bahasa komunikasi terancang.

Buat apa beli dan bina Istana, Kota (castles) Kuda Lumba (harga seekor ratusan juta) kapal layar, private jets dan hotel terkemuka? Kesemuanya tidak bisa membela dan menyuarakan kepentingan Islam dan bangsa Arab. Merekalah yang gemar melakukan semua ini. Kenapa tidak selain daripada menghibur diri dan berjoli - tidak salah, kita bukan malaikat juga bukan syaitan, hanya manusia biasa - sama-sama mendirikan gedung ilmu, tubuhkan media berbahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol menggunakan kepakaran dan kepintaran mereka seperti yang dilakukan oleh Yahudi? Tepuk dada tanya selera.

Selagi kita tidak ada alternatif media jangan harap kita dapat betulkan miskonsepsi (salah tanggapan) tentang Islam yang disengajakan.